

02 MAY 1996

Mahathir - Perpaduan

PM AJAK RAKYAT KEKAL HUBUNGAN BAIK DAN KONGSI KEKAYAAN

MELAKA, 2 Mei (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengajak rakyat Malaysia mengekalkan perhubungan baik antara kaum dan sentiasa sedia berkongsi kekayaan yang ada supaya negara dapat membangun dengan lebih pesat.

Perdana Menteri berkata adalah lebih baik kekayaan yang ada diagih-agihkan secara saksama daripada setiap kaum cuba merebut hak masing-masing sehingga mencetuskan huru-hara seperti di kebanyakan negara lain yang juga berbilang kaum seperti Malaysia.

"Walaupun kekayaan kita hanya sederhana dalam negara yang terdiri daripada pelbagai kaum, kita masih boleh kekalkan keamanan dengan mengagihkan kekayaan secara saksama," katanya ketika berucap pada majlis Malam Mesra Perdana Barisan Nasional (BN) negeri Melaka di Seri Bendahara, di sini.

Dr Mahathir, yang juga Pengerusi BN, berkata itulah amalan BN sehingga Malaysia dapat membuktikan kepada dunia bahawa negara yang berbilang kaum boleh bersatu padu jika rakyatnya sentiasa bersyukur dengan apa yang ada serta bersedia untuk berkongsi pemerintahan dan sumber kekayaan.

Menurut Perdana Menteri amalan itu akan terus dipertahankan oleh BN bagi memastikan negara mencapai matlamat Wawasan 2020 untuk menjadikan Malaysia sebuah negara yang sentiasa bersatu padu.

Dalam hal ini, Dr Mahathir mengingatkan parti-parti komponen BN di Melaka mengenai perlunya mereka terus berpegang kepada amalan itu dalam menghadapi pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri Bukit Asahan tidak lama lagi berikutan kematian wakilnya, Datuk N. Arunasalam, baru-baru ini.

Katanya setiap parti komponen hendaklah menyokong sesiapa juga yang dipilih menjadi calon walaupun orang itu mewakili kaum yang kecil di negara ini.

"Kita harus memberi sokongan kepada pemimpin yang memegang pada amalan kita untuk hidup aman damai dan berbaik-baik antara kaum walaupun dia mewakili kaum yang kecil. Dengan cara ini, saya yakin kita akan mendapat sokongan rakyat," katanya yang membayangkan bahawa kerusi itu akan kekal di tangan MIC.

Perdana Menteri turut memuji Ketua Menteri Melaka Datuk Seri Mohamed mengambil-alih kepimpinan daripada Tan Sri Abdul Rahim Tamby Chik hampir dua tahun lalu.

Dr Mahathir yakin pembangunan pesat di negeri ini sekarang akan menjadikan Melaka sebuah negeri maju pada 2010, iaitu 10 tahun lebih awal daripada matlamat nasional. -- BERNAMA

AH MOZ NAK